

Bahagian A
(75 markah)

Jawab **tiga** soalan sahaja.

1. (a) Berikut adalah tindakan yang diambil oleh kerajaan sesebuah negara.

Kerajaan telah menangguhkan projek pembinaan landasan keretapi berkembar yang menelan belanja RM 1.5 billion ringgit untuk memberi tumpuan kepada membina hospital.

Merujuk kepada konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas bagaimanakah keputusan tersebut diambil? (5 markah)

(b)



Rajah 1

Berdasarkan rajah 1 di atas terangkan perbezaan yang wujud antara kedua-dua barang tersebut dari segi ekonomi. (8 markah)

(c) Berikut adalah maklumat tentang Negara X dan Negara Y di rajah 2.

NEGARA X
Kerajaan tidak campur tangan dalam membuat keputusan ekonomi

NEGARA Y
Kerajaan berkuasa penuh dalam membuat keputusan ekonomi

(i) Namakan sistem ekonomi Negara X dan Negara Y . (2 markah)

(ii) Bezakan ciri-ciri sistem ekonomi tersebut . (10 markah)

2. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Ramy:

Kelulusan : Sarjana Muda Sains Perubatan
Jawatan : Guru Sekolah Menengah Sri Mersing.
Tempat Tinggal : Bandar Mersing

- (i) Mengapakah Encik Ramy memilih guru profesion sebagai kerjayanya? (7 markah)
- (ii) Berikan Tiga contoh faedah sampingan yang dinikmati oleh seorang guru
(3 markah)

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan situasi perniagaan yang dijalankan oleh puan Anggun.

Puan Anggun menjual 350 bungkus cendol setiap hari. Harga sebungkus cendol ialah RM 3.50. Beliau dibantu oleh anak saudaranya dengan bayaran upah RM 15 sehari. Kos menghasilkan cendol ialah RM 100 dan perbelanjaan lain ialah RM 25.

Rumus di bawah merupakan pengiraan keuntungan bagi perniagaan tersebut.

$$\text{Keuntungan} = \text{Jumlah Hasil} - \text{Jumlah Kos}$$

Berdasarkan situasi di atas jawab soalan berikut:

- (i) Hitung jumlah hasil, Jumlah Kos, dan keuntungan yang diperoleh Puan Anggun
(3 markah)
- (ii) Mengapaka anak saudara Puan Anggun dibayar upah?
(2 markah)
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan persamaan pendapatan individu.

$$\text{Pendapatan individu} - X = \text{Perbelanjaan} + \text{Tabung}$$

- (i) Apakah X? (1 markah)
- (ii) Jelaskan contoh-contoh bagi X. (5 markah)
- (iii) Terangkan 4 kepentingan tabungan individu. (4 markah)

3.

Permintaan kereta tempatan telah berubah daripada 201 456 buah pada tahun 2000 kepada 280 267 buah pada tahun 2002

a. Berdasarkan pernyataan di atas:

(i) Hitungkan peratus perubahan permintaan kereta tempatan pada tahun 2002 berbanding tahun 2000. (3 markah)

(ii) Terangkan Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan permintaan tersebut. (10 markah)

Jenis Barang	% perubahan harga	% perubahan Kuantiti diminta
Barang S	40	60
Barang T	50	50
Barang U	60	40

Jadual 1

b. (i) Berdasarkan Jadual 1, hitung Keanjalan harga permintaan bagi ketiga-tiga barang tersebut. (6 markah)

(ii) Tafsirkan pekali keanjalan harga permintaan ketiga-tiga barang tersebut. (6 markah)

4. (a) Jadual 2 dibawah menunjukkan pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Tanah (hektar)	Bil buruh	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
30	0	0	-	-
30	2	5	2.5	D
30	4	11	A	3
30	6	18	3	E
30	8	24	B	3
30	10	24	2.4	F
30	12	22	C	-1

Jadual 2

(i) Hitungkan Nilai A, B, C, D, E dan F (6 markah)

(ii) Hitungkan hubungan antara input berubah dengan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut. (8 markah)

(b) Pokok-pokok getah tua telah ditebang untuk digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Terangkan kesan peristiwa tersebut ke atas pasaran getah asli. (3 markah)

(c) Berikut adalah butiran penyata kewangan Encik Azwan

Pendapatan dan perbelanjaan sebulan	
Elaun Khidmat Awam	RM 240
Elaun Perumahan	RM 210
Gaji	RM 2600
Bayaran Premium Insuran Nyawa	RM 160
Ansuran rumah	RM 600
Pelepasan cukai yang dibenarkan	
1. Diri sendiri	RM 10 000
2. Isteri	RM 8000
3. Anak	RM 1000 seorang
4. Caruman KWSP dan premium insuran nyawa	RM 5000 (maksimum)
5. Rawatan ibu bapa	RM 5000 (maksimum)
Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan	
RM 2 500 pertama	0%
RM 2 500 berikutnya	1%
RM 5 000 berikutnya	3%
RM 10 000 berikutnya	5%

Doyok berusia 37 tahun mempunyai seorang isteri menjadi suri rumah sepenuh masa dan 3 orang anak yang berada di sekolah rendah. Sebagai seorang pekerja beliau mencarum ke KWSP sebanyak 11% daripada pendapatannya dan membayar zakat sebanyak RM 150.

(i) Hitungkan cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Doyok. (6 markah)

(ii) Hitungkan pendapatan boleh guna Doyok pada tahun tersebut. (2 markah)

5. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.

Syarikat Apple mengeluarkan telefon bimbit berjenama iphone. Encik Badul bekerja sebagai pengurus pasaran di syarikat tersebut dan menerima upah sebanyak RM 8000 sebulan. Dia membeli telefon bimbit keluaran syarikatnya dengan harga RM 2 300 sebagai hadiah hari lahir isterinya.

(i) Lukis rajah aliran pusingan pendapatan tersebut. (10 markah)

(b) Jadual di bawah menunjukkan permintaan oleh Casey dan Jojo serta penawaran Syarikat Mawarna dan Syarikat Melor dalam pasaran sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)		Kuantiti ditawarkan (unit)	
	Casey	Jojo	Syarikat Mawarna	Syarikat Melor
1	5	8	2	1
2	4	6	3	2
3	3	4	4	3
4	2	2	5	4

Berdasarkan jadual di atas:

(i) Hitungkan permintaan pasaran dan penawaran pasaran (4 markah)

(ii) Lukiskan keluk keseimbangan pasaran. Skala 2cm bersamaan RM 1 dan 2cm bersamaan 2 unit (6 markah)

(iii) Huraikan bagaimana proses keseimbangan pasaran berlaku. (5 markah)

Bahagian B
(25 markah)

Soalan ini **wajib** dijawab.

6. Puan Anjalna merupakan seorang usahawan dalam bidang elektronik. Beliau bercadang membuka kilang elektronik. Beliau telah membuat pertimbangan sama ada mengeluarkan komputer atau televisyen. Setelah mengkaji sumber-sumber yang dimilikinya, beliau bercadang untuk mengeluarkan komputer berjenama Fly High yang dapat digunakan oleh semua golongan terutamanya golongan pelajar.

Beliau menggunakan kedua-dua teknik iaitu berintensifkan buruh dan modal untuk membantu proses pengeluaran komputer. Beliau telah mengupah 1 200 orang buruh untuk menguruskan proses pemasangan komputer.

Puan Neelopak merupakan seorang pengurus di kilang komputer berjenama Fly High. Beliau di bayar upah sebanyak RM 6 000 sebulan. Sebelum hari persekolahan anak puan Neelopak bermula, dia telah membawa anaknya membeli sebuah komputer Fly High di tempat beliau bertugas dan membayar harga komputer sebanyak RM 3 500.

Bedasarkan kes di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah masalah asas ekonomi dalam kes tersebut? (8 markah)
- (b) Huraikan sumber-sumber ekonomi dalam proses pengeluaran komputer Fly High. (4 markah)
- (c) Apakah Peranan Puan Anjalna dalam proses pengeluaran komputer Fly High? (4 markah)
- (d) Mengapakah Puan Anjalna perlu membuat pertimbangan sebelum membuat keputusan mengeluarkan komputer? (3 markah)
- (e) Jelaskan Peranan Puan Anjalna dan Puan Neelopak dalam aliran pusingan pendapatan ekonomi. (6 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT